

● Ulama diminta nilai semula perjuangan Pas

BH 19 JUL 2000

IPOH, Selasa – Ulama diminta menyatakan pendirian mengenai Pas dengan menilai semula perjuangan parti itu berikutan sokongan dan simpati penyokongnya terhadap perjuangan ahli Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah).

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Perak, Jamal Nasir Rasdi, berkata sudah tiba masanya, ulama berbuat demikian kerana ahli Pas sanggup mempertaruhkan perjuangan mereka atas nama Islam walaupun perkara yang disokong menyalahi ajaran Islam.

Beliau berkata, disebabkan sokongan dan simpati ahli Pas juga kerajaan perlu mengambil tindakan drastik terhadap parti itu.

“Sudah sampai masanya ulama duduk mengkaji semula kewujudan Pas kerana sesetengah konsep perjuangan mereka jelas memberi gambaran Islam yang mahu mereka bawa adalah Is-

lam yang berbahaya.

“Kalau sampai ke tahap itu (sokong dan simpati terhadap Al-Ma'unah) kerajaan juga perlu mengambil tindakan drastik terhadap mereka,” katanya di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menampelak Pas kerana menyelewengkan fakta insiden rompakan senjata di Grik dan pembunuhan dua tebusan di Sauk, Kuala Kangsar oleh 28 ahli Al-Ma'unah sebagai sandi-wara Umno.

Jamal Nasir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia, Belia dan Sukan negeri berkata, sokongan dan simpati ahli Pas termasuk melakukan solat hajat mem-bela ahli Al-Ma'unah yang jelas melalukan perbuatan jenayah memperlihatkan Pas mengutamakan keuntungan politik semata-mata.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat, penduduk sekitar

Sauk serta beberapa kawasan di Grik turut bersimpati dan menyokong perjuangan Al-Ma'unah dengan mengadakan solat hajat sama ada di surau yang dikuasai Pas atau markas parti itu.

Katanya, ada ahli Pas memungut denda untuk diberikan kepada ahli keluarga 28 perompak kumpulan Al-Ma'unah semata-mata atas dasar menyokong tindakan kumpulan terbabit.

Sehubungan itu, katanya, beliau meminta polis meluaskan skop siasatan mereka termasuk menyoal siasat mana-mana kumpulan yang bersimpati dan menyokong kumpulan Al-Ma'unah.

Jamal Nasir turut mencabar Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat serta pemimpin tertinggi Pas lain supaya bekerjasama dengan polis dalam usaha memberi penerangan kepada ahli parti itu mengenai perkara sebenar Al-Ma'unah.